



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN MORAL

Tajuk: Warga Prihatin Sekolah Sejahtera

Nilai Teras: Kasih Sayang

Konteks: Sekolah

Masa: 1 jam

SK: 3.1 Kesejahteraan dalam Kalangan Warga Sekolah

SP: 3.1.2 Mencadangkan cara meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan warga sekolah daripada pelbagai kaum

Literasi Sivik

Pengetahuan:

Menjelaskan cara dan kepentingan meningkatkan kesejahteraan warga sekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum

Sosioemosi:

Menghargai, menghormati dan menyayangi warga sekolah serta memahami setiap warga sekolah mempunyai peranan masing-masing

Tindakan:

Menunjukkan perasaan prihatin dan menyayangi semua warga sekolah

Aktiviti Literasi Sivik 1

Rotating Review

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan membincangkan topik berikut:
 - (a) Cara meningkatkan kesejahteraan warga sekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum
 - (b) Kepentingan meningkatkan kesejahteraan warga sekolah
3. Murid mencatat hasil perbincangan pada kertas sebak dan memaparkannya di atas meja kumpulan masing-masing.
4. Setiap kumpulan akan bergerak dari satu kumpulan ke kumpulan lain untuk membuat penilaian hasil kerja setiap kumpulan.
5. Setiap kumpulan akan membuat komen, jawapan tambahan atau persoalan pada kertas sebak tersebut dengan menggunakan pen yang berlainan warna.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Guru menjalankan permainan sukaneka atau *Treasure Hunt* semasa aktiviti kokurikulum.
2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk bermain permainan yang dirancang.
3. Setiap kumpulan bekerjasama untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Warga sekolah bekerjasama untuk membantu warga sekolah yang mengalami musibah atau kesusahan dengan mewujudkan tabung sumbangan.
2. Pengawas sekolah akan bertanggungjawab bagi mengutip derma daripada murid-murid lain semasa perhimpunan sekolah atau bergerak dari kelas ke kelas.
3. Kutipan derma akan diberikan kepada murid yang memerlukan.
4. Bantuan ini juga boleh digunakan untuk mendapatkan makanan yang berkhasiat, pakaian sekolah baharu, buku atau alat tulis yang diperlukan untuk tujuan persekolahan.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik-baik sahaja selesai pengajaran)